

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN



AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NASIONAL

Minda Pengarang



Jangan gopoh perhalusi Kertas Putih Kesihatan

Pandemik COVID-19 mendedahkan kelemahan bersifat struktural dalam barisan hadapan negara, iaitu benteng kesihatan dan unjuran Malaysia mencapai status populasi tua pada 2030 adalah dua cabaran bersifat gergasi perlu ditangani. Pada masa sama, isu kapasiti tenaga kerja terutama penjawatan doktor dan kekurangan jururawat, keupayaan fasiliti serta peralatan boleh diibaratkan terus menjadi 'duri dalam daging' yang boleh mengganggu penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat termasuk masa menunggu lama di wad kecemasan atau janji temu pakar, selain hak mendapatkan rawatan dan ubatan terbaik.

Justeru, Kertas Putih Kesihatan memperincikan langkah reformasi sektor kesihatan dalam tempoh 15 tahun dijadualkan akan dibentangkan di Parlimen, hari ini, adalah jawapan kepada keperluan mentransformasikan penyampaian perkhidmatan kesihatan terutama kepada rakyat, sekali gus meningkatkan tadbir urus sistem kesihatan supaya kalis masa depan. Dokumen setebal 57 halaman itu, memperaku cabaran dan jurang dihadapi sektor kesihatan negara merangkumi penyakit tidak berjangkit, kemunculan penyakit berjangkit baharu dan lama, penuaan masyarakat, kesihatan mental dan perubahan iklim.

Kita meminta ahli Parlimen memberikan tumpuan penuh dan sumbangan pemikiran dengan meletakkan rakyat serta negara dalam senarai keutamaan ketika memperhalusi Kertas Putih Kesihatan mengandungi empat tonggak termasuk 58 langkah reformasi dicadangkan yang akan dilaksanakan dalam tempoh jangka pendek (satu tahun hingga lima tahun); sederhana (enam tahun hingga 10 tahun) dan panjang (11 tahun hingga 15 tahun). Semua langkah itu dirumuskan selepas pandangan pelbagai pemegang taruh diperoleh, selain input daripada sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk memastikan kejayaan pembaharuan sistem kesihatan.

Antara isu wajar diperhalusi dalam perbincangan ialah cadangan kajian dan semakan struktur fi rendah dikenakan di klinik, hospital serta fasiliti penjagaan kesihatan awam lain supaya lebih sepadan kemampuan pesakit dan pengenalan skim insurans kesihatan nasional. Dalam kita mengakui jumlah RM1 dikenakan tidak sepadan berbanding kos penyediaan rawatan dan ubatan ditanggung kerajaan, tetapi implikasi bakal ditanggung rakyat secara umumnya perlu diambil kira terutama sebarang peningkatan pasti menambah beban termasuk penduduk di luar bandar. Pada masa sama, kerajaan perlu melihat kadar bayaran bagi warga asing mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang dianggap masih murah berbanding apa dikenakan di banyak negara lain.

Berdasarkan tempoh Persidangan Dewan Rakyat bagi Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Parlimen Ke-15 yang tamat hari ini, kita juga meminta perbincangan Kertas Putih Kesihatan tidak dilakukan secara tergopoh, sebaliknya memberikan masa secukupnya kepada ahli Parlimen untuk membincangkan dan mencerakinkan isu kritikal kepada hak dan kepentingan rakyat serta masa depan negara. Kita tidak mahu persoalan membabitkan kualiti kehidupan rakyat dari segi jasmani dan mental serta keutuhan dan kemampunan sistem kesihatan negara ini dibentang dan dibincangkan tetapi hasilnya ibarat pepatah rumah siap, pahai berbunyi.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

Badan khas pantau pelaksanaan reformasi kesihatan

Kuala Lumpur: Satu badan pemantau akan diwujudkan bagi memantau secara berterusan pelaksanaan reformasi kesihatan, menurut Kertas Putih Kesihatan.

Badan pemantau itu diperlukan untuk mengekalkan komitmen dan membolehkan penyesuaian dilaksanakan mengikut keperluan.

Pada masa sama, badan pemantau itu menjadi satu jawatankuasa yang bebas untuk memantau, menganalisis, melaporkan status serta mengemukakan syor dan cadangan penyesuaian kepada pelaksanaan reformasi sistem kesihatan.

Kertas Putih Kesihatan itu juga menjelaskan badan pemantau itu diwujudkan sebagai mekanisme semak dan imbang serta memastikan kestabilan pelaporan proses reformasi dalam persekitaran ekonomi politik sepanjang reformasi dan memastikan komitmen terhadap reformasi kesihatan jangka panjang.

Pemantauan berterusan terhadap pelaksanaan reformasi kesihatan diperlukan untuk mengekalkan komitmen dan membolehkan penyesuaian dilaksanakan mengikut keperluan.

"Oleh yang demikian, penubuhan sebuah badan pemantauan seperti pasukan petugas khas (*special task force*), jawatankuasa, Majlis, atau suruhanjaya dicadangkan untuk memastikan reformasi kesihatan yang diusulkan kalis masa depan.

"Penubuhan badan pemantauan ini akan memastikan kestabilan pelaporan proses reformasi dalam persekitaran ekonomi politik sepanjang tempoh itu," menurut dokumen itu.

Pada masa sama, penubuhan badan pemantau itu dapat meneruskan komitmen untuk melaksanakan reformasi jangka panjang akan dapat dikekalkan walaupun berlaku perubahan dalam pentadbiran dan kepimpinan politik.

Ahli badan pemantauan akan dilantik daripada pelbagai kepakaran berkaitan dengan sistem kesihatan, perlindungan sosial serta transformasi sistemik jangka panjang.

Syarat penubuhan dan operasi akan dikaji dan diteliti mengikut tatacara dan kekeliruan kerajaan, serta perbincangan lanjut dengan agensi pusat yang berkaitan.

Kertas Putih Kesihatan

Pergiat kerjasama efektif sektor awam, swasta

3 inisiatif dirancang bantu rakyat dapat akses perkhidmatan lebih baik

Oleh Rohanita Mris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kertas Putih Kesihatan mendedahkan sektor kesihatan awam dan swasta di Malaysia bersifat dikotomi (pemisahan) dan tidak berintegrasi dari segi penyampaian perkhidmatan dan sumber maklumat untuk kesihatan.

Kedua-dua itu menyebabkan berlaku ketidakseimbangan bebanan kepada fasiliti dan tenaga kerja, terutama di sektor awam.

Perbelanjaan penjagaan kesihatan juga meningkat seiring peningkatan permintaan dan keperluan rakyat, ditambah lagi dengan peningkatan kos perkhidmatan penjagaan kesihatan.

"Maka kerjasama yang efektif antara sektor awam dan swasta akan mengoptimalkan penggunaan sumber untuk kesihatan merentasi sektor awam, swasta serta sektor bukan berasaskan keuntungan.

"Hasilnya, rakyat akan mendapat akses lebih baik kepada pelbagai perkhidmatan kesihatan yang lebih dekat dengan tempat tinggal mereka, tidak kira sama ada penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan itu daripada sektor awam, swasta atau sektor bukan berasaskan keuntungan.

"Pada masa sama, fasiliti penjagaan kesihatan awam juga akan kurang sesak dan masa menunggu menjadi lebih pendek, terutama bagi prosedur dengan permintaan tinggi," menurut



Kertas Putih Kesihatan akan menentukan hala tuju reformasi sistem kesihatan negara.

(Foto hiasan)

Kertas Putih Kesihatan.

Kertas Putih Kesihatan akan menentukan hala tuju reformasi sistem kesihatan negara untuk tempoh 15 tahun akan datang.

Kertas Putih Kesihatan mengesyorkan satu kerangka kukuh dibangunkan untuk mempergiat kerjasama awam dan swasta terutama untuk melaksanakan perolehan perkhidmatan penjagaan kesihatan dan ubat-ubatan daripada sektor swasta secara strategik.

Perkhidmatan berkualiti

Kerangka itu juga akan menggariskan peranan dan fungsi pembeli strategik, model pembayaran berasaskan nilai, tadbitur serta kawal selia bagi memastikan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti disampaikan kepada rakyat.

Pada peringkat penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan, Kertas Putih Kesihatan mencadangkan hubungan kerjasama antara sektor awam dan swasta akan diperkukuhkan lagi melalui pelaksanaan perkongsian rekod perubatan dan maklumat agar proses rujukan dan maklum balas berjalan dengan lancar.

Ini akan memudahkan pergerakan pesakit merentas antara sektor dengan lebih efisien.

"Kerjasama sektor awam dan swasta yang efektif akan mengurangkan ketidakseimbangan beban kerja, mengoptimalkan penggunaan sumber antara sektor awam dan swasta serta menambah baik akses rakyat kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan, termasuk perkhidmatan pada peringkat komuniti.

"Kerjasama antara sektor yang lebih efektif juga dapat memberikan perkhidmatan penjagaan kesihatan dengan kos yang berpatutan di setiap peringkat penjagaan kesihatan.

"Pada masa ini, hubungan kerjasama antara sektor awam dan swasta masih berada pada peringkat awal," katanya.

Antara inisiatif yang pernah dan sedang dilaksanakan adalah seperti program vaksinasi CO-

VID-19 dan saringan PeKa B40.

Oleh itu, Kertas Putih itu mencadangkan inisiatif kerjasama awam dan swasta dipergiatkan melalui tiga inisiatif.

Pertama, membangunkan kerangka yang komprehensif untuk perolehan perkhidmatan dan hubungan kerjasama awam dan swasta dalam penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan, model pembayaran berasaskan nilai, unjuran permintaan dan bekalan, pengukuhan fungsi pembeli strategik dan komponen utama lain.

Kedua, mengkaji semula dan mengemas kini standard prestasi bagi penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan merentasi sektor awam, swasta dan sektor tidak berasaskan keuntungan.

Ketiga, melaksanakan Sistem Rekod Perubatan Elektronik (EMR) dan Sistem Rekod Kesihatan Seumur Hidup Elektronik (ELHR) yang selamat dengan integrasi operasi antara penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan.

Syor tubuh Pusat Kawalan Penyakit Negara

Kuala Lumpur: Pusat Kawalan Penyakit Negara disyor ditubuhkan sebagai inisiatif mengukuhkan rangkaian fungsi kesihatan awam seperti yang dicadangkan dalam Kertas Putih Kesihatan.

Selain itu, dokumen itu turut mencadangkan usaha menaik taraf program pengawasan, pemantauan dan intervensi kesihatan awam secara berperingkat melalui rangkaian data kesihatan kebangsaan dan inisiatif analitis.

Turut dicadangkan pelaksanaan kajian semula strategik dan peningkatan fungsi komunikasi dan capaian (*outreach*) kesihatan awam, disokong oleh rangkaian yang lebih kukuh dengan unit penyelidikan tingkah laku, penyedia perkhidmatan penjagaan

kesihatan, korporat dan sukarelawan komuniti.

Kertas Putih itu juga mengesyorkan supaya dijalankan kajian semula bagi keperluan pendanaan, teknologi maklumat (IT) dan keperluan sumber manusia untuk kesihatan awam, termasuk fungsi penguatkuasaan.

Pada masa sama dicadangkan usaha pengukuhan program pe-

nyelidikan di Institut Kesihatan Negara serta kerjasama dengan institusi akademik dan institusi penyelidikan lain untuk menguatkan asas bukti bagi intervensi kesihatan awam.

Kertas Putih Kesihatan apabila diluluskan nanti akan menjadi hala tuju reformasi sistem kesihatan negara untuk tempoh 15 tahun.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

Kertas Putih tingkat taraf kesihatan rakyat

Pelaksanaan secara
berperingkat
15 tahun ke arah
kehidupan lebih
baik, berdaya tahan

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Reformasi kesihatan negara melalui Kertas Putih Kesihatan yang akan dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh 15 tahun bermatlamat mewujudkan sistem kesihatan yang lebih berkualiti, mampan dan berdaya tahan.

Menerusi kertas itu, Kementerian Kesihatan (KKM) mengenalpasti cabaran dihadapi sistem kesihatan negara, yang penting bagi penentuan strategi serta cadangan dalam usaha memberikan wajah baharu dan tentunya lebih berimpak untuk manfaat semua lapisan rakyat.

Antara kandungan dokumen Kertas Putih Kesihatan adalah isu dan cabaran yang dihadapi oleh sistem kesihatan dan memerlukan tindakan sewajarnya. Pertama, kekangan dari segi

pembiayaan kesihatan sektor awam yang didorong oleh peningkatan terhadap permintaan perkhidmatan, selain kenaikan kos perubatan.

Pada masa sama, KKM turut mengakui keadaan semakin meruncing disebabkan jumlah perbelanjaan kesihatan awam yang rendah berbanding keperluan rakyat.

Malaysia mempunyai sistem penjagaan kesihatan terdiri daripada sektor awam dan swasta yang lazimnya beroperasi secara berasingan dan tidak berintegrasi.

Sektor awam menyediakan perkhidmatan kesihatan yang meluas dengan bayaran yang sangat rendah berbanding kos rawatan di fasiliti swasta.

Situasi berkenaan menyebabkan majoriti pesakit memilih untuk mendapatkan rawatan di fasiliti awam seterusnya menyumbang kepada kesesakan dan masa menunggu yang panjang bagi mendapatkan rawatan di hospital dan klinik kerajaan.

Cabaran kedua adalah kekangan sumber manusia, fasiliti kesihatan dan peralatan perubatan. Ini berlaku akibat ketidakseimbangan jumlah petugas kesihatan di antara sektor awam dan swasta.

Selain itu, kekangan fasiliti di sektor awam seperti peralatan yang tidak mencukupi dan bangu-

Tonggak reformasi kesihatan yang dicadangkan dalam Kertas Putih Kesihatan				
TONGGAK	Tonggak 1	Tonggak 2	Tonggak 3	Tonggak 4
	Mentransformasi Penyampaian Perkhidmatan Kesihatan	Memperingkatkan Promosi Kesihatan dan Pencegahan Penyakit	Memastikan Pembiayaan Kesihatan yang Mampan dan Saksama	Memperkuhkan Landasan dan Tadbir Urus Sistem Kesihatan
1.	Mengutamakan penyampaian penjagaan kesihatan primer	1. Memperkuhkan fungsi kesihatan awam	1. Meningkatkan pelaburan untuk kesihatan	1. Memperkuhkan peranan KKM melalui penstrukturan semula
2.	Mengoptimalkan perkhidmatan penjagaan hospital	2. Menambah baik kerjasama dan penyelarasan inter sektor untuk kesihatan	2. Memastikan rakyat menerima perkhidmatan komprehensif yang tidak terikat kepada kemandirian	2. Menambah baik dasar, perundangan dan peraturan
3.	Meningkatkan perkongsian awam-swasta yang efektif	3. Memberi insentif kepada amalan dan tingkah laku prokesihatan	3. Memastikan perbelanjaan penjagaan kesihatan yang cekap dan berketan	3. Memantapkan tenaga kerja untuk kesihatan
4.	Memfaatkan kemajuan teknologi digital			4. Merangsang penyelidikan, inovasi dan pendekatan berasaskan bukti
5.	Memastikan kesaksamaan akses dalam perkhidmatan kesihatan			

nan yang usang menyebabkan sumber kesihatan negara tidak dapat digunakan secara maksimum.

Situasi berkenaan turut menyumbang kepada kesesakan dan masa menunggu yang panjang bagi mendapatkan rawatan di hospital dan klinik awam.

Implikasinya turut dirasai petugas kesihatan berikutan beban tugas mereka bertambah. Setiap petugas kesihatan di sektor awam perlu merawat lebih ramai pesakit dengan kes yang lebih rumit dan kronik berbanding petugas kesihatan di sektor swasta.

Beban penyakit berganda

Ini menyebabkan ramai terbeban apabila terpaksa menggunakan alternatif lain dengan mendapatkan rawatan di sektor swasta yang kosnya jauh lebih tinggi.

Kertas Putih Kesihatan juga perlu dilaksanakan berikutan beban penyakit berganda terus meningkat dari masa ke masa. Ini termasuk peningkatan kadar pe-

nyakit tidak berjangkit, penyakit berjangkit, kemunculan semula penyakit lama dan kemunculan penyakit baharu seperti COVID-19 yang membebaskan lagi sistem penyampaian kesihatan negara.

Peningkatan masalah kesihatan mental dilibat turut menjadi antara penyumbang kepada beban penyakit tidak berjangkit dan hilang upaya di negara ini.

Malah, peningkatan jumlah warga emas turut memberikan impak yang besar kepada sistem kesihatan awam.

Menjelang 2030, jumlah penduduk Malaysia berusia 60 tahun dan ke atas akan meningkat daripada 11.1 peratus kepada 15 peratus.

Ini akan memberi impak kepada sistem kesihatan negara kerana data global menunjukkan kos penjagaan kesihatan warga emas adalah 2 hingga 3 kali ganda lebih tinggi berbanding kos penjagaan dewasa.

KKM turut melihat kepada perspektif yang lebih luas, iaitu

melihat kepada perubahan iklim dan kemerosotan kesihatan secara global yang memburukkan lagi keadaan.

Katanya, isu fenomena alam sekitar seperti tanah runtuh, banjir, jerebu, pencemaran udara dan air membawa kepada kemerosotan kualiti hidup manusia dan memberi kesan kepada kesihatan sekali gus menambah beban penyakit dan kos.

KKM dalam dokumen itu turut menegaskan cabaran di depan ketika ini adalah nilai keberterangjawabannya yang perlu dipikul semua pihak.

Kesihatan adalah tanggungjawab pelbagai pihak termasuk rakyat dan bukan hanya tanggungjawab KKM semata-mata kerana 80 peratus daripada penentu sosial kesihatan dipengaruhi faktor di luar sektor kesihatan seperti perumahan, pendidikan, pekerjaan, pendapatan, akses kepada makanan berkhasiat dan aktiviti fizikal.

Jaminan penambah baik secara menyeluruh

Kuala Lumpur: Negara mungkin berdepan ketidakstabilan serta terbeban dalam penyampaian sistem kesihatan awam, sekiranya penambahbaikan secara menyeluruh dan berstruktur tidak dilaksanakan.

Selepas melalui cabaran besar pandemik COVID-19 yang melanda negara sejak dua tahun lalu, sistem kesihatan negara berdepan tekanan lebih besar dan ia secara tidak langsung membuka mata semua pihak mengenai keperluan melakukan perubahan mengikut keperluan semasa.

Bagi menjayakan usaha itu, Kementerian Kesihatan (KKM) membangunkan Kertas Putih Kesihatan, ke arah penyediaan sistem perkhidmatan kesihatan lebih adil dan saksama, berkualiti

tinggi dan mudah dicapai.

Selain itu, KKM turut memberi perhatian kepada rawatan kesihatan dengan kos berpatutan dan mampan untuk jangka masa panjang bagi memenuhi keperluan kesihatan rakyat.

Lima aspirasi

Antara perincian dalam Kertas Putih Kesihatan adalah lima aspirasinya.

Pertama, adalah bagi mewujudkan negara yang sihat. Ia memberi tumpuan kepada perkhidmatan pencegahan dan promosi bagi memastikan rakyat kekal sihat dan sejahtera.

Aspirasi kedua adalah mewujudkan sistem kesihatan yang dihargai dan dibanggakan semua, melalui penyediaan perkhidma-

tan terbaik kepada rakyat. Dengan itu, rakyat berasa keempunyaan terhadapnya.

Ketiga, memastikan sistem kesihatan yang saksama dan berpaksaan rakyat. Ini bermakna, perkhidmatan diberi berdasarkan keperluan kesihatan individu di mana rakyat dapat menikmati perkhidmatan yang lebih berkualiti, memenuhi keperluan beban penyakit dan lebih dekat dengan komuniti.

Pada masa sama, KKM berhasrat mewujudkan sistem kesihatan yang berdaya tahan dan mampu menghadapi kerencaman cabaran kesihatan pada masa akan datang.

Aspirasi terakhir adalah menyediakan ekosistem kesihatan yang terbuka dan inovatif, ia ti-

dak kurang penting bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan yang lebih tepat, efisien dan berkesan.

Pelan yang akan dilaksanakan secara berfasa dalam tempoh 15 tahun itu turut menjanjikan pelbagai manfaat kesihatan kepada rakyat.

Ini termasuk, rakyat mempunyai pelan kesihatan yang berpaksaan individu, berdasarkan keperluan kesihatan atau perubahan seseorang.

Melaluinya, rakyat turut boleh mendapatkan rawatan daripada doktor dan pasukan kesihatan yang sama setiap kali diperlukan. Bagaimanapun, rakyat juga boleh mendapatkan rawatan dari doktor dan pasukan kesihatan yang lain.

Melalui pelan ini, masyarakat mendapat bimbingan dan tunjuk ajar daripada pasukan kesihatan komuniti yang terlatih supaya kekal sihat.

Selain itu, jaminan perkhidmatan kesihatan yang lebih berkualiti dengan harga lebih berpatutan dan masa menunggu munasabah.

Dalam usaha memudahkan rakyat, rekod perubatan peribadi boleh diakses secara dalam talian. Malah, rakyat boleh mendapatkan perkhidmatan kesihatan secara dalam talian bagi keadaan tertentu.

Untuk rekod, dokumen Kertas Putih Kesihatan sudah dibentangkan kepada Jemaah Menteri pada 5 Jun lalu dan supaya ia dibentangkan di Parlimen.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN



AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NASIONAL

10 | NASIONAL

Ia dicadang
untuk menyasarkan
subsidi penjagaan
kesihatan dengan
lebih baik

Oleh DIANA AZIS
SHAH ALAM

Struktur fi rendah yang dikenakan di klinik, hospital dan fasiliti kesihatan awam bakal dikaji dan disemak semula agar lebih sepadan dengan kemampuan membayar.

Berdasarkan dokumen Kertas Putih Kesihatan, reformasi berkenaan dicadang untuk menyasarkan subsidi penjagaan kesihatan dengan lebih baik.

Selain itu, Kertas Putih berkenaan menjelaskan, langkah tersebut bagi memastikan kesaksamaan dalam pembiayaan kesihatan dan isi rumah berpendapatan rendah mampu membayar perkhidmatan penjagaan kesihatan.

"Kadar fi rendah yang dikenakan di fasiliti penjagaan kesihatan awam adalah antara ciri sistem kesihatan negara yang amat dihargai rakyat, yang mana ia membolehkan akses kepada sistem kesihatan pada kos berpatutan.

"Namun struktur fi yang sama untuk semua telah menyumbang kepada ketidaksamaan besar antara bayaran yang dikenakan berbanding kos penyediaan dan keupayaan untuk membayar, terutamanya dalam kalangan isi rumah berpendapatan tinggi.

"Untuk menambah baik kemampuan pembiayaan penjagaan kesihatan awam, kadar fi yang dikenakan di fasiliti penjagaan kesihatan awam akan dikaji semula agar lebih sepadan dengan tahap kemampuan," menurut dokumen itu.

Ketika ini, caj bagi pesakit luar sama ada di Jabatan Pesakit Luar Am atau Jabatan Pesakit Luar Pakar di hospital dan klinik kesihatan adalah pada kadar RM1 bagi perkhidmatan am dan RM5 bagi perkhidmatan pakar. Caj tersebut merangkumi pendaftaran, perundingan, serta ubat-ubatan.

Dalam pada itu, dokumen Kertas Putih setebal 57 halaman itu turut mencadangkan jaringan keselamatan isi rumah berpendapatan rendah terus dikekalkan.

Justeru menurut dokumen

Caj RM1 hospital, klinik kerajaan disemak semula



Berdasarkan Kertas Putih Kesihatan, struktur fi rendah yang dikenakan di klinik, hospital dan fasiliti kesihatan awam bakal dikaji dan disemak semula agar lebih sepadan dengan kemampuan membayar. - Gambar hiasan

itu, opsyen skim caruman progresif akan dikaji untuk mempelbagaikan sumber bagi memastikan kemampuan pembiayaan kesihatan.

"Satu pakej manfaat kesihatan yang menyenaraikan perkhidmatan kesihatan dan ubat-ubatan boleh diakses oleh rakyat, sama ada di sektor awam atau swasta dengan kadar fi berpatutan akan dibangunkan.

"Pakej manfaat itu akan dibiayai melalui dana kesihatan khusus di bawah pengurusan Pembeli Strategik bukan berasaskan keuntungan yang ditadbir melalui pelaporan dan pengawasan berkesan," menurut dokumen berkenaan.

Reformasi sistem kesihatan yang dicadangkan dalam Kertas Putih Kesihatan bersifat jangka panjang yang disesuaikan

dengan maklumat dan teknologi baharu serta kaedah atau model lebih baik.

Oleh yang demikian, strategi yang dicadang dalam dokumen berkenaan boleh ditambah baik semasa tempoh reformasi atas saranan kerajaan, badan pemantauan reformasi atau Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen selepas perbahasan dan perbincangan di Parlimen.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

4 tonggak, 15 strategi pulih sistem kesihatan

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Draf Kertas Putih Kesihatan menggariskan empat tonggak dan 15 strategi bagi meningkatkan sistem kesihatan awam di negara ini yang dibelenggu dengan pelbagai isu sejak sekian lama.

Selepas berpuluh tahun berhadapan dengan pelbagai halangan untuk dilaksanakan, kertas

Kertas putih bakal ubah landskap perubatan negara

putih ini bakal mengembalikan keyakinan rakyat terhadap sis-

tem kesihatan awam negara.

La hasil iltizam dan kerjasama pelbagai pihak tanpa mengira fahaman politik termasuk menteri terdahulu dan direalisasikan oleh Menteri Kesihatan sekarang, Dr. Zaliha Mustafa yang membawa kertas putih ini bagi dijadikan garis panduan penambahbaikan sistem kesihatan awam negara untuk tempoh 15 tahun akan datang.

Tekad untuk mereformasi sis-

tem kesihatan negara telah diterjemahkan oleh Dr. Zaliha secara sistematik termasuk melalui libat urus semua pemegang taruh dan pendekatan bipartisan.

Penambahbaikan dan penstrukturan semula ini akan memberi manfaat kepada 33 juta rakyat Malaysia di samping sebagai langkah persediaan menghadapi cabaran baharu termasuk kemungkinan pandemik di luar jangka.

Buat julung kalinya kerajaan membentangkan dokumen mengandungi 59 muka surat dengan mencadangkan reformasi secara sistematik dan berstruktur dalam tempoh 15 tahun bukannya sahaja demi menangani cabaran mendatang, malah bagi memastikan sistem kesihatan lebih saksama, mampan dan berdaya tahan.

Bersambung di muka 2

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : DALAM NEGERI

Minda Pengarang

MEOR HARMAN MEOR SHAKRI



Kertas Putih bukan ubat segala penyakit

KERTAS Putih Kesihatan yang dicadangkan bertujuan memperkasa kesihatan rakyat dan pada masa yang sama memastikan sistemnya berdaya saing.

Berdasarkan draf Kertas Putih Kesihatan yang disiarkan dalam laman web Parlimen, kerajaan menetapkan empat dasar dalam menjadikan sistem yang menaungi rakyat Malaysia sentiasa mempunyai urus tadbir yang lebih baik dan kalis masa depan.

Kementerian Kesihatan telah menetapkan empat tonggak dalam cadangan tersebut antara lain meliputi soal inklusif mengenai transformasi perkhidmatan dengan mengutamakan dan menstruktur semula penjagaan kesihatan primer.

Selain itu, draf tersebut juga mencadangkan menambah baik fungsi kesihatan awam; pembiayaan kesihatan yang mampan dan saksama serta memperkukuhkan landasan dan tadbir urus sistem.

Banyak lagi yang disentuh panjang lebar dalam Kertas Putih setebal 57 halaman itu. Sebenarnya usaha mentransformasi sistem kesihatan bermula sejak 1980 an lagi, namun dikatakan tiada perubahan sistemik dan jangka panjang kerana hala tuju tidak jelas.

Sistem yang lebih ke depan berasaskan teknologi dan bersifat semasa sangat perlu dalam menghadapi cabaran dan krisis kesihatan masa depan demi menjamin kemakmuran rakyat dan negara.

Dewasa ini, Malaysia antara negara yang dikategorikan tidak sihat kerana bilangan pesakit jantung dan obesiti adalah tinggi. Selain penyakit lain yang tidak berjangkit, setiap tahun kerajaan membelanjakan kos rawatan dan ubat-ubatan yang besar.

Malah, hospital di negara ini tidak pernah sunyi dengan orang ramai berurusan setiap hari. Pegawai perubatan, pakar mahupun jururawat berdepan nisbah ribuan pesakit dan setiap hari juga mereka bertarung mencari penyelesaian.

Laporan tinjauan Kajian Morbiditi dan Kesihatan Kebangsaan pada 2019 menunjukkan hampir satu juta daripada lima individu di negara ini menghidap kencing manis.

Dalam satu kajian, Malaysia dikatakan mempunyai jumlah penghidap penyakit kencing manis yang tertinggi di Asia dan kedua tertinggi di dunia selepas Arab Saudi.

Kajian tersebut mungkin ada kebenarannya berdasarkan peningkatan bilangan kes diabetes yang amat membimbangkan dengan hampir empat juta pesakit direkodkan.

Di satu sudut lain, penyakit jantung kekal penyebab utama kematian di negara ini yang mana 18,515 atau 17.0 peratus daripada jumlah kematian yang disahkan secara perubatan berpunca daripada serangan kardiovaskular.

Sejak dua dekad lalu, penyakit jantung meningkat daripada 11.6 peratus pada 2000 kepada 17.0 peratus pada 2020.

Dalam laporan *The Direct Healthcare Cost of Non-Communicable Disease* di negara ini, menganggarkan RM3.39 bilion daripada jumlah RM9.65 bilion kos penjagaan kesihatan pada 2017 disalurkan untuk merawat pesakit jantung.

Kos terus meningkat jika tiada langkah pencegahan dari awal termasuk kempen mengamalkan gaya hidup sihat.

Maka, betullah kata bidalan, mencegah itu lebih baik daripada mengubati. Langkah transformasi kesihatan di negara ini satu tindakan yang tepat tetapi kesejahteraan hidup sihat sepatutnya bermula daripada diri kita sendiri.

Meor Harman Meor Shakri ialah Pengarang Berita Utusan Malaysia

Empat tonggak, 15 strategi pulih sistem kesihatan

Dari muka 1

Kertas Putih Kesihatan yang dimuatnaik dalam laman web Parlimen semalam menggariskan empat tonggak dan 15 strategi antara lain menyenutuh kadar fi di fasiliti kesihatan awam dan kajian semula komprehensif pengambilan perjawatan petugas kesihatan termasuk berstatus kontrak serta membangunkan pakej manfaat kesihatan rakyat.

Empat tonggak berkenaan menyenutuh soal mentransformasi penyampaian perkhidmatan kesihatan, mempertingkatkan promosi kesihatan dan pencegahan penyakit, memastikan pembiayaan kesihatan yang mampan dan saksama serta memperkukuhkan landasan dan tadbir urus sistem kesihatan.

"Kadar fi rendah yang dikenakan di fasiliti penjagaan kesihatan awam adalah antara ciri sistem kesihatan negara yang amat dihargai rakyat, di mana ia membolehkan akses kepada sistem kesihatan pada kos yang berpatutan.

"Namun begitu, struktur fi yang sama untuk semua telah menyumbang kepada ketidak-samaan besar antara bayaran yang dikenakan berbanding dengan kos penyediaan dan keupayaan untuk membayar terutamanya dalam kalangan isi rumah berpendapatan tinggi.

"Untuk menambah baik

kemampuan pembiayaan penjagaan kesihatan awam, kadar fi yang dikenakan di fasiliti penjagaan kesihatan awam akan dikaji semula agar lebih sepadan dengan tahap kemampuan.

"Meskipun demikian, jaring keselamatan isi rumah berpendapatan rendah akan dikekalkan," jelas Kertas Putih Kesihatan itu yang boleh dibaca menerusi pautan <https://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2023-06-12/CMD.29.2023%20-%20CMD%2029.2023.pdf>.

